

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 27.10.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah pelajar cemerlang tetapi tidak dapat diberi tawaran kursus yang dipilih oleh mereka di universiti tempatan dan implikasi pengaliran pakar ke luar negara (*brain drain*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) prihatin dan komited untuk memberikan peluang pendidikan tinggi kepada semua rakyat terutamanya kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Sistem pendidikan daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi mempunyai misi yang sama dari segi hasil dan kepentingannya kepada setiap pelajar iaitu memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak.

Setiap tahun, terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang. Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang ke Universiti Awam (UA). Pelajar-pelajar ini dibenarkan memilih UA dan program pengajian yang lebih sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka dalam sistem permohonan yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar.

Pemilihan pelajar ke UA pula dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit pelajar. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum pelajar untuk memastikan UA melahirkan graduan yang holistik.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Etika dan kerohanian, kepimpinan, jati diri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan adalah enam perkara yang penting bagi pelajar di peringkat pendidikan tinggi.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, KPT akan memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di UA.